# SHARMILA A/P THANENDRAN

**1.0 Maklumat Peribadi**
Umur : 20 tahun
Tempat Lahir : Tampin
Jantina : Perempuan
Warganegara : Malaysia
Bangsa : India
Pendidikan : Tahun 1, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
Program Dipohon: Program Pertukaran Budaya Lawatan Sambil Belajar Malaysia - Korea

**2.0 Anugerah**

Saya pernah dianugerahi Anugerah Pelajar Cemerlang Kokurikulum dan Anugerah Pencapaian Akademik Terbaik ketika belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Indah pada 2018. Saya berjaya mendapat tempat ketujuh dalam Pertandingan Fest Tari Perempuan Peringkat Negeri Sembilan pada tahun 2020.

**3.0 Kemahiran Teknologi Maklumat**

Saya berkemahiran menggunakan perisian Microsoft Office, Google Docs dan Google Slides. Saya turut mahir mengedit video menggunakan Filmora. Saya berkebolehan menghasilkan poster menggunakan Canva. Semua kemahiran teknologi maklumat ini membantu saya menyiapkan pelbagai projek di universiti.

**4.0 Kemahiran Bahasa**

Saya dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik. Penguasaan lisan dan penulisan bahasa Inggeris saya berada pada tahap cemerlang. Saya juga sedang mengikuti kursus Menguasai Bahasa Korea secara dalam talian.

**5.0 Potensi Diri**

Saya seorang yang mudah menyesuaikan diri dalam suasana baharu dan boleh bekerjasama dalam satu pasukan. Saya mempunyai keyakinan untuk mencuba kemahiran baharu dan membawa nama universiti ke peringkat antarabangsa.

**6.0 Kemahiran Tambahan**

Saya boleh mendeklamasi sajak dan berlakon. Saya juga berkebolehan mempersembahkan tarian tradisional kaum India dan kaum Cina.

**7.0 Alamat Untuk Dihubungi**

Hubungi saya menerusi e-mel: sharmila007@gmail.com

**8.0 Rujukan**

Dr. Anita binti Ali,
Jabatan Obstetrik dan Ginekologi,
Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM,
Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Telefon: 0126565280

**9.0 Harapan**

Semoga saya berjaya dipilih mengikuti program ini bagi memartabatkan bidang kebudayaan di rantau Asia.